

STRATEGI KOMUNIKASI PENULISAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR PERANCIS

*(Written Malay Language Communication Strategies among
French Students)*

Hazlina Abdul Halim

hazlina_ah@upm.edu.my

Roslina Mamat

linamm@upm.edu.my

Normaliza Abd Rahim

drnormaliza@gmail.com

Jabatan Bahasa Melayu,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia, Serdang,
43400 Selangor, Malaysia.
Tel.: +603-89468752

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan mengelaskan jenis strategi komunikasi tulisan dalam pembelajaran bahasa Melayu oleh pelajar Perancis. Kajian ini berdasarkan taksonomi strategi komunikasi oleh Dörnyei dan Scott yang tertumpu pada kaedah kualitatif dan kuantitatif. Responden kajian terdiri daripada pelajar tahun tiga sarjana muda bahasa Melayu di Institut Nationale des Langues et Civilisations Orientales (INALCO), Paris, Perancis. Sejumlah 10 orang pelajar Perancis yang mempelajari mata pelajaran bahasa Melayu tahap lanjutan terlibat dalam kajian ini. Instrumen yang

digunakan ialah empat aktiviti penulisan dan senarai semak strategi. Dapatan keseluruhan berdasarkan penulisan pelajar menunjukkan antara strategi komunikasi yang paling kerap digunakan ialah strategi penghampiran (28.1 peratus), strategi penggunaan perkataan untuk semua tujuan (15.8 peratus), strategi penghuraian (12.9 peratus) dan strategi ciptaan perkataan baru (11.7 peratus). Kajian ini memberikan implikasi kepada pelajar dan pengajar bahasa Melayu untuk menangani strategi yang digunakan oleh pelajar bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa para pengajar harus menimbangankan pengajaran strategi komunikasi secara efektif untuk memaksimumkan keberkesanan pembelajaran bahasa Melayu.

Kata kunci: pembelajaran bahasa Melayu, pelajar Perancis, strategi komunikasi, aktiviti penulisan, kuantitatif dan kualitatif

Abstract

This study aimed to determine and categorize the types of written communication strategies in learning Malay among French students. The study, which was based on Dörnyei and Scott's taxonomy of communication strategy, utilized a qualitative and quantitative method of data collection. The subjects consisted of 3rd year Malay degree students at Institut Nationale des Langues et Civilisations Orientales (INALCO) in Paris, France. A total of 10 French students taking the advanced Malay language subject participated in this study. The instruments used in this study were four writing tasks and a strategy checklist. The overall findings based on the writing tasks indicated that among the most frequently used communication strategies were approximation strategy (28.1 percent), the use of all-purpose-word (15.8 percent), circumlocution (12.9 percent) and word coinage (11.7 percent). This study has implications for learners and instructors of Malay to address the strategies used in learning Malay as a foreign language. The results of this study show that language instructors have to consider effective teaching of communication strategies to maximize the effectiveness of Malay language-learning.

Keywords: Malay language learning, French students, communication strategies, writing activities, quantitative and qualitative

PENDAHULUAN

Istilah komunikasi berasal daripada bahasa Latin *communicatus*, yang membawa erti suatu usaha atau percubaan yang bertujuan untuk mencari kesamaan makna. Oleh yang demikian, komunikasi merupakan proses penyampaian maklumat daripada satu pihak kepada pihak yang lain. Secara umumnya, komunikasi dilakukan secara verbal yang dapat ditafsirkan oleh penutur dan penerima mesej. Walau bagaimanapun, komunikasi tidak terhad pada komunikasi verbal. Terdapat komunikasi bukan verbal yang direalisasikan melalui gerak-geri badan seperti menggelengkan kepala, isyarat tangan dan sebagainya.

Walaupun bagaimanapun, kadangkala terjadi masalah dalam penyampaian mesej seseorang, sekalipun komunikasi tersebut dilakukan dalam bahasa yang sudah dikuasai. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh kurangnya pengetahuan tentang mesej yang ingin disampaikan, ketiadaan suatu leksikon dalam repertori kosa kata seseorang, atau wujudnya faktor psikologi pada saat komunikasi berlangsung. Permasalahan mengenai ketiadaan suatu leksikon dalam repertori seseorang dinyatakan oleh Tarone (1983) bahawa tiada seorang pun dapat menguasai seluruh leksikon bahasa ibundanya. Pernyataan Tarone jelas menunjukkan bahawa penutur jati juga tidak terlepas daripada mengalami kendala dalam menyampaikan mesej.

Apabila berlakunya suatu halangan dalam sesuatu komunikasi, mesej yang ingin disampaikan oleh penutur tidak sampai kepada pendengar atau pembaca. Penutur perlu membuat keputusan sama ada mengabaikan mesej atau berikhtiar untuk menggunakan cara lain agar mesejnya dapat difahami. Ketika inilah strategi komunikasi digunakan.

Kajian terhadap strategi komunikasi banyak dilakukan dalam pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Hal ini demikian kerana komunikasi dalam bahasa kedua atau bahasa asing bukanlah sesuatu yang mudah. Penutur jati sesuatu bahasa, yang dianggap fasih dalam bahasa masing-masing, juga kadangkala berhadapan dengan kesukaran dalam menerangkan tentang sesuatu konsep yang tidak biasa kepada mereka. Hal ini timbul mungkin kerana mereka terlupa kosa kata atau ekspresi yang diperlukan (Bialystok, 1990). Oleh yang demikian, strategi komunikasi adalah sangat penting kepada penutur bahasa kedua atau bahasa asing untuk berkomunikasi dengan jayanya ketika mereka berhadapan dengan masalah produksi disebabkan oleh pengetahuan linguistik mereka yang tidak lengkap (Rababah, 2003).

Antara matlamat seseorang mempelajari bahasa asing adalah untuk menyampaikan buah fikiran mereka dalam bahasa sasaran secara lisan dan bertulis (Hazlina *et al.*, 2011). Namun begitu, komunikasi yang berjaya memerlukan lebih daripada pengetahuan dalam bahasa sasaran. Komunikasi yang berkesan berkemampuan menggunakan bahasa secara efektif untuk menyampaikan mesej. Masalah timbul apabila tahap penguasaan bahasa tidak cukup, seterusnya menyebabkan seseorang penyampai mesej perlu mengubah suai mesej untuk difahami oleh pendengar atau pembaca.

Proses pengubahsuaian dan asimilasi mesej ini dikenal pasti oleh ahli linguistik sebagai penggunaan strategi komunikasi, yang merujuk sebarang mekanisme yang digunakan oleh seseorang untuk mengatasi kekangan linguistik semasa berkomunikasi dalam bahasa asing dengan sistem bahasa antara yang minimum. Menurut Tarone (1980:420), strategi komunikasi digunakan sebagai percubaan sistematik oleh pelajar untuk mengutarakan atau memecahkan kod dalam bahasa sasaran, dalam situasi ketika peraturan sistematik bahasa sasaran belum dibentuk. Tarone (1980:420) menyatakan:

A systematic attempt by the learner to express or decode meaning in the target language, in situations where the appropriate systematic target language rules have not been formed.

Selinker (1972) pula beranggapan strategi komunikasi sebagai “*an identifiable approach by the learner to communicate with native speakers.*” Menurut Selinker (1972), kesalahan yang dilakukan oleh penutur atau pelajar dimanifestasikan daripada penggunaan strategi komunikasi yang digunakannya untuk memastikan komunikasi tetap berterusan meskipun terdapat beberapa bentuk ujaran yang tidak tepat dari segi struktur dan tatabahasanya.

Strategi komunikasi yang diperkenalkan oleh Tarone (1977) ini telah menjadi asas kepada taksonomi strategi komunikasi yang dikembangkan selepas itu. Menurut Tarone (1980), strategi komunikasi merupakan tentatif antara penyampai dan penerima mesej untuk mencapai objektif komunikasi yang diinginkan. Oleh itu, ketika berhadapan dengan situasi begini, penyampai dan penerima mesej saling bertindak balas agar penyampai mesej dapat menyampaikan mesej dengan jayanya. Ujar Tarone (1983) lagi, strategi komunikasi ini berlaku apabila penutur yang ingin menyampaikan sesuatu mesej kepada pendengar atau penerima mesej beranggapan bahawa mesej tersebut tidak mempunyai struktur

linguistik yang boleh dikongsikan dengan pendengar atau penerima mesej. Oleh yang demikian, apabila halangan ini berlaku, penyampai mesej akan memilih untuk mengelak daripada menyampaikan maksudnya dengan mengabaikan mesej tersebut, atau menggunakan pelbagai cara untuk menyampaikan mesejnya sehingga maksud bersama tercapai. Dalam taksonomi beliau, Tarone (1977) mengelaskan strategi komunikasi kepada lima kategori, iaitu pengelakan, parafrasa, pemindahan secara sedar (*conscious transfer*), meminta pertolongan dan mimikan.

Bagi Faerch and Kasper (1983), strategi komunikasi yang berkesan untuk pembelajaran bahasa ialah strategi yang berkaitan rapat dengan tiga aspek pembelajaran bahasa—pembentukan hipotesis, penilaian hipotesis dan proses automasi. Oleh yang demikian, strategi yang disarankan untuk diajarkan kepada penutur kedua ialah strategi yang memerlukan penghasilan bahasa kedua. Strategi ini termasuklah pencapaian konseptual seperti strategi penghampiran dan penghuraian. Strategi lain yang juga disarankan ialah pencapaian kod dalam bahasa kedua. Strategi ini melibatkan ciptaan perkataan baharu dan juga pengantarabangsaan yang bergantung pada bahasa ibunda seseorang dan kepentingan pengantarabangsaan dalam pemerolehan bahasa kedua. Faerch and Kasper (1983) juga menyarankan strategi meminta bantuan (*appeal for assistance*) jika komunikasi tersebut secara verbal dan dalam bahasa kedua. Strategi yang tidak disarankan ialah strategi pengurangan seperti pengelakan mesej, penukaran mesej, peminjaman dan bukan verbal.

Selanjutnya, Dörnyei dan Scott (1997) memperkenalkan taksonomi strategi komunikasi mereka yang memperkemas kebanyakan elemen strategi komunikasi oleh sarjana sebelumnya. Menurut Dörnyei dan Scott (1997), taksonomi yang diperkenalkan merupakan lanjutan daripada taksonomi yang dikembangkan oleh Tarone (1977) dan Faerch dan Kasper (1983), tetapi taksonomi mereka menyelesaikan masalah dan cara strategi komunikasi membantu penutur semasa berkomunikasi dan mencapai persefahaman antara penutur dan pendengar (*mutual understanding*).

Taksonomi strategi komunikasi oleh Dörnyei dan Scott (1997) terbahagi kepada tiga kategori: strategi langsung (digunakan oleh penutur yang menghadapi masalah semasa proses komunikasi), strategi tak langsung (digunakan oleh penutur untuk menyediakan platform yang membawa kepada kesefahaman) dan strategi interaksi (persefahaman antara sekurang-kurangnya dua penutur untuk mengatasi masalah yang mereka hadapi semasa proses komunikasi).

Menurut Dörnyei dan Scott (1997), strategi langsung menyediakan langkah alternatif yang berstruktur dan dikuasai oleh penutur untuk menyampaikan mesej kepada pendengar. Strategi langsung ini dipecahkan lagi kepada strategi berkaitan dengan defisit sumber (*resource deficit-related strategies*) dan strategi berkaitan dengan masalah pelaksanaan (*performance problem-related strategies*). Antara yang tergolong dalam kategori strategi defisit sumber termasuklah peninggalan mesej, pengabaian mesej, penukaran mesej, penghuraian, terjemahan literal dan penukaran kod. Strategi berkaitan masalah pelaksanaan pula termasuklah pembetulan sendiri, penstrukturan semula frasa dan pembetulan lain.

Strategi tak langsung sebaliknya menurut Dörnyei dan Scott (1997) merupakan peranti yang memudahkan penyampaian makna secara tidak langsung dengan mewujudkan persekitaran untuk mencapai persefahaman bersama, mengelakkan ketidaksampaian mesej dan mengekalkan saluran komunikasi (dengan menggunakan *fillers*). Strategi tak langsung boleh juga menggunakan bentuk-bentuk yang kurang lengkap dan yang memerlukan usaha yang lebih daripada pihak pendengar untuk memahami mesej, misalnya dengan menggunakan penanda strategi (*strategy markers*).

Strategi interaksi pula digunakan apabila seorang penutur mencari jalan penyelesaian penukaran mesej beliau secara rayuan kerjasama (menggunakan strategi meminta pertolongan, meminta penjelasan, meminta pengesahan atau membuat tekaan). Oleh yang demikian, persefahaman bersama adalah fungsi kejayaan dalam pelaksanaan penukaran mesej oleh kedua-dua penutur dan pendengar.

Kajian lepas tentang strategi komunikasi dalam penggunaan bahasa termasuklah kajian mengenai strategi komunikasi dalam pembelajaran bahasa Arab (Ashinida, 2012), strategi komunikasi dalam pembelajaran bahasa Melayu oleh pelajar Cina (Ang, 1992), penggunaan strategi komunikasi dalam komunikasi bahasa Jepun (Roslina, 2012; Farah *et al.*, 2013), penggunaan strategi komunikasi dalam bahasa Inggeris (Nor Fariza, 2008) dan strategi komunikasi dalam pembelajaran bahasa Perancis (Hazlina *et al.*, 2011).

Ashinida (2012) mengkaji tentang strategi komunikasi yang digunakan oleh responden bahasa Arab Tingkatan 6 Atas, sekolah menengah agama di Selangor, sebagai usaha untuk meneruskan komunikasi dalam bahasa Arab serta memastikan mesej yang hendak disampaikan kepada pendengar dapat difahami. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa responden menggunakan strategi pencapaian secara ekstensif daripada

strategi pengelakan. Beliau mendapati strategi komunikasi merupakan teknik yang berkesan dalam penyampaian mesej dan dapat membantu pelajar meningkatkan pencapaian komunikatif mereka dalam bahasa Arab walaupun mereka mempunyai pengetahuan linguistik yang terhad dalam bahasa tersebut.

Abdul Rahman (2009) dalam kajiannya terhadap pelajar bahasa Arab di tiga buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Selangor mendapati bahawa masalah dominan yang dihadapi oleh responden bahasa Arab semasa berkomunikasi ialah masalah kekurangan kosa kata bahasa tersebut. Beliau juga mendapati bahawa responden dengan tahap kompetensi komunikatif yang tinggi lebih cenderung menggunakan strategi pencapaian, iaitu penghampiran dan penghuraian, manakala responden dengan tahap kompetensi komunikatif yang rendah lebih gemar menggunakan strategi pengelakan seperti penukaran kod dan peninggalan mesej. Abdul Rahman (2009) juga telah menemui tiga strategi komunikasi baharu, iaitu kata serapan, penjedaan dan pengulangan.

Kajian oleh Ang (1992) pula melihat tentang strategi komunikasi lisan dalam pembelajaran bahasa Melayu oleh belia berbangsa Cina apabila mengalami masalah leksikal ketika mahu menyampaikan sesuatu mesej dalam bahasa Melayu. Dapatan kajian beliau menunjukkan penggunaan strategi komunikasi membuatkan pertuturan pelajar menjadi lebih lancar, seterusnya menggalakkan interaksi lisan mereka. Beliau juga mendapati bahawa strategi penukaran kod yang digunakan oleh pelajar adalah disebabkan kebiasaan mereka menggunakan dua atau lebih bahasa secara silih berganti semasa berkomunikasi. Dalam kajian beliau, Ang (1992) telah menemui tiga strategi baharu, iaitu tanya balik, paralinguistik dan penghampiran bunyi.

Hazlina (2011) telah menjalankan kajian strategi komunikasi tulisan dalam pembelajaran bahasa Perancis oleh pelajar Melayu. Hasil kajian beliau mendapati bahasa Melayu mempunyai impak tinggi dalam penggunaan strategi komunikasi oleh pelajar. Beliau mendapati strategi yang paling dominan digunakan ialah terjemahan literal, penukaran kod dan penghuraian. Menurut Hazlina (2011; 2012), strategi terjemahan literal dan penukaran kod tidak mencapai maksud komunikasi apabila elemen budaya yang bersifat ketidakbolehterjemahan cuba diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis. Strategi penghuraian sebaliknya merupakan strategi positif yang boleh diterapkan dalam pembelajaran bahasa Perancis.

Pengkaji mendapati tidak banyak kajian yang mengkaji strategi komunikasi bahasa Melayu oleh pelajar bangsa asing di Malaysia. Oleh

yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji strategi komunikasi tulisan yang digunakan oleh pelajar Perancis dalam pemerolehan bahasa Melayu mereka. Oleh yang demikian, objektif kajian ini untuk mengenal pasti strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar Perancis dalam pembelajaran bahasa Melayu, iaitu mengelaskan strategi komunikasi yang digunakan daripada yang paling dominan hingga kepada yang paling kurang digunakan. Selain itu, beberapa langkah dicadangkan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu bagi pelajar Perancis berdasarkan strategi komunikasi yang digunakan

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan menjawab persoalan tentang strategi komunikasi yang paling kerap dilakukan oleh pelajar Perancis bagi mengatasi masalah dalam penulisan bahasa Melayu dan implikasi dapatan kajian ini terhadap pembelajaran bahasa Melayu oleh pelajar Perancis terutamanya apabila menghadapi masalah komunikasi.

Kajian ini melihat strategi komunikasi tulisan yang digunakan oleh pelajar Perancis dalam mempelajari bahasa Melayu. Oleh yang demikian, strategi komunikasi yang dikaji terhad kepada komunikasi yang diguna pakai dalam aktiviti tulisan. Strategi komunikasi seperti mimikan, meminta penjelasan dan strategi lain yang lebih spesifik kepada komunikasi lisan tidak akan diambil kira dalam kajian. Kajian ini juga tidak mengulas mana-mana kesilapan bahasa Melayu yang hadir dalam penulisan responden.


Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif dan kualitatif. Responden terdiri daripada 10 pelajar Institut National des Langues et Civilisations Orientales (INALCO), Perancis yang mengambil subjek bahasa Melayu tahap tiga. Kajian ini menggunakan instrumen beberapa aktiviti penulisan oleh pelajar dan analisis yang dibuat berdasarkan kerangka definisi strategi komunikasi yang diberikan oleh Dörnyei dan Scott (1997). Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, tidak semua strategi komunikasi daripada taksonomi Dörnyei dan Scott (1997) digunakan dalam kajian ini disebabkan taksonomi tersebut ditujukan kepada komunikasi lisan. Senarai strategi yang digunakan dalam kajian ini seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 Senarai elemen strategi komunikasi dalam aktiviti penulisan yang diadaptasikan daripada Dornyei dan Scott (1997).

Jenis Elemen Strategi Penerangan Komunikasi	
Peninggalan Mesej	Meninggalkan mesej atau berhenti di tengah-tengah ayat.
Pengelakan Topik	Mengelakkan daripada menulis sesuatu topik disebabkan tidak tahu sesuatu perkataan.
Penukaran mesej	Penukaran mesej asal dengan mesej baharu disebabkan kekurangan kosa kata.
Penghuraian	Penghuraian mengenai sifat objek sasaran untuk mengatasi kekurangan kosa kata.
Penghampiran	Penggunaan perkataan yang mempunyai fitur semantik yang hampir sama dengan perkataan sasaran.
Penggunaan perkataan semua tujuan	Penggunaan item leksikal umum untuk menggantikan perkataan yang lebih spesifik.
Ciptaan perkataan baharu	Ciptaan perkataan yang tidak terdapat dalam leksikal bahasa sasaran.
Penstrukturan semula	Peninggalan mesej disebabkan kekangan bahasa, kemudian menyambung mesej dengan mengubah daripada struktur asal.
Terjemahan literal	Terjemahan harfiah sesuatu perkataan, frasa atau struktur daripada sesuatu bahasa kepada bahasa sasaran.
Pengantarabangsaan	Daripada bahasa lain dan diubah suai secara fonologi atau morfologi kepada bahasa sasaran.
Penukaran kod	Penggunaan perkataan atau frasa daripada bahasa lain dalam penulisan.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Secara umumnya, kajian ini mendapati penggunaan strategi komunikasi tulisan digunakan oleh kesemua responden dalam penulisan bahasa Melayu mereka. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 171 elemen strategi komunikasi telah digunakan. Daripada Rajah 1, dapat dilihat yang strategi yang paling dominan digunakan ialah strategi penghampiran, iaitu sebanyak 28.1 peratus daripada jumlah keseluruhan. Strategi lain yang juga dominan dalam kajian ini ialah penggunaan perkataan untuk semua tujuan, iaitu sebanyak 15.8 peratus dan penghuraian 12.9 peratus. Lain-lain strategi yang tidak kurang digunakan ialah ciptaan perkataan baru sebanyak 11.7 peratus, penukaran kod 11.1 peratus dan strategi terjemahan literal 10.5 peratus. Perincian penggunaan strategi ini dapat dilihat daripada Rajah 1.



Rajah 1 Penggunaan strategi komunikasi dalam aktiviti penulisan bahasa Melayu oleh pelajar Perancis (n=171).

Dapatan kajian ini adalah berlawanan dengan dapatan yang diperoleh oleh Hazlina (2011) yang mengkaji penggunaan strategi pembelajaran bahasa Perancis dalam kalangan pelajar Melayu. Dalam kajian tersebut didapati strategi yang paling dominan ialah terjemahan literal, penukaran kod dan penghuraian.

PENGGUNAAN STRATEGI PENGHAMPIRAN

Strategi PH dalam kajian ini merujuk penghampiran makna dan digunakan apabila pelajar buntu dalam mencari perkataan yang tepat dalam bahasa Melayu. Oleh yang demikian, pelajar Perancis telah menggunakan leksikal yang mempunyai maksud yang lebih kurang sama dengan perkataan sebenar dalam bahasa Melayu. Strategi penghampiran merupakan strategi yang paling dominan dalam penulisan bahasa Melayu oleh pelajar Perancis. 48 elemen strategi komunikasi ini telah ditemui. Antara contoh penggunaan strategi penghampiran ini adalah seperti dalam Jadual 2.

Daripada contoh Jadual 2, kajian ini mendapati bahawa responden Perancis menghadapi kesukaran untuk mencari leksikal yang tepat dalam penulisan mereka. Oleh itu, mereka menggunakan perkataan yang mempunyai makna yang hampir sama dengan yang ingin disampaikan. Perkataan seperti “teman asli” untuk menggantikan “teman sejati”, “kecanduan” untuk menyatakan “ketagihan” dan “negeri asing” untuk menyatakan “luar negara” walaupun pada dasarnya tidak tepat, namun masih dapat difahami oleh penutur jati bahasa Melayu berdasarkan konteks ayat yang dibina. Menurut Ashinida (2012), penutur bahasa kedua atau bahasa asing mencapai objektif komunikasi mereka dengan menggunakan perkataan atau frasa yang mempunyai maksud yang hampir sama dengan bahasa sasaran.

Dalam contoh terakhir, responden telah menggunakan strategi PH pada ekspresi dalam bahasa Melayu, iaitu “balik kampung” untuk menyatakan “pulang ke tanah air”, sementara untuk menyatakan diri seseorang yang “menjadi lebih matang”, beliau telah menggunakan ekspresi “merasa lebih tua”. Dalam ayat yang sama, responden menggunakan ekspresi “terbuka otak” sebagai simbolik untuk menyatakan “berfikiran lebih terbuka”. Walaupun ekspresi ini bukanlah sesuatu yang akan ditulis oleh penutur jati, namun maksud ayat tersebut masih dapat difahami, iaitu “pada pendapat saya, pada waktu kita pulang ke tanah air, kita akan menjadi lebih matang dan berfikiran lebih terbuka”. Maka, maksud komunikasi responden yang ingin disampaikan tercapai.

STRATEGI PENGGUNAAN PERKATAAN UNTUK SEMUA TUJUAN

Strategi penggunaan perkataan untuk semua tujuan yang digunakan oleh pelajar Perancis dalam aktiviti penulisan bahasa Melayu melibatkan

Jadual 2 Contoh strategi PH dalam aktiviti penulisan bahasa Melayu oleh pelajar Perancis.

	Contoh Strategi PH dalam Ayat	Perkataan yang Seharusnya Digunakan
1.	Tetapi teman-teman asli adalah orang lebih dekat yang kita boleh menemui sebenarnya.	teman-teman asli → teman sejati
2.	Saya fikir facebook dapat membuat kecanduan , sesungguhnya banyak orang kekal lama di facebook	Kecanduan → ketagihan
3.	Mereka guna facebook supaya berhubung dengan teman-teman dan dengan rekan-rekan di tanah air dan di negeri asing .	Negeri asing → Luar negara
4.	Apalagi, bahasanya adalah bahasa yang dicakap oleh kebanyakan orang Malaysia dan dikenal sebagai lingua franca.	Dicakap → dipertuturkan
5.	Di beberapa negara di mana media massa tradisional masih dikawal kerajaan, facebook menyediakan peluang baharu bagi masyarakat madani untuk mengucapkan pendapatnya dan mencari dukungan di luar negeri.	Mengucapkan pendapatnya → menyuarakan pandangan mereka
6.	Saya fikir bahawa pada waktu kita balik kampung , nanti kita sudah merasa lebih tua , bijaksana dan terbuka otak .	1. Balik kampung → Pulang ke negara masing-masing / tanah air 2. Merasa lebih tua → menjadi lebih matang 3. Terbuka otak → berfikiran lebih terbuka

generalisasi pada imbuhan awalan *ter-* pada kata kerja dan kata sendi *dari*. Dalam bahasa Melayu, penggunaan imbuhan awalan *ter-* memberikan maksud yang berbeza-beza kepada ayat. Makna pertama ialah tindakan yang dilakukan oleh subjek telah terjadi dan usai. Contohnya seperti dalam ayat “Makanan itu sudah tersedia untuk dijamah”.

Makna kedua imbuhan *ter-* ialah perbuatan yang dilakukan tanpa sengaja. Contohnya seperti termakan (makan tanpa sengaja) dan **terbawa** (bawa tanpa sengaja). Makna terakhir imbuhan *ter-* ialah keupayaan untuk melakukan sesuatu perbuatan. Contohnya adalah seperti ayat “Dia tidak **terbuat** kerja rumah yang banyak itu” (bermaksud tidak upaya membuat).

Jadual 3 Contoh strategi penggunaan perkataan untuk semua tujuan oleh pelajar Perancis.

	Contoh ayat yang digunakan oleh pelajar Perancis	Elemen PPST digunakan	Elemen yang betul
1.	Kita dapat tag photo dengan fitur ini, maka saat foto bersama, sesama pengguna boleh tagging orang lain yang ada dalam foto tersebut, yang akan terkirim ke facebook orang yang di tag.	Ter- + kata kerja	Meng-kan
2.	Dengan demikian, facebook boleh berbentuk dan berguna apa sahaja, tergantung kepada tujuan pengguna.	Ter- + kata kerja	Ber-
3.	Fleksibiliti facebook juga boleh ditengok dari perspektif kebebasan pengguna, kerana layanan itu dapat dipakai dalam segala macam konteks.	Kata sendi dari	Kata sendi daripada

Daripada Jadual 3, didapati penggunaan imbuhan awalan *ter-* dalam ayat yang dibina oleh pelajar Perancis tidak mengikut makna yang sebenar, oleh yang demikian dapat dirumus penggunaan strategi komunikasi adalah secara berleluasa. Imbuhan yang sepatutnya digunakan ialah imbuhan apitan “meN-...-kan” (me-...-kan, mem-...-kan, men-...-kan, meng-...-kan, menge-...-kan) untuk membentuk kata kerja transitif. Dalam ayat pertama, iaitu “Kita dapat tag photo dengan fitur ini, maka saat foto bersama, sesama pengguna boleh tagging orang lain yang ada dalam foto tersebut, yang akan **terkirim** ke facebook orang yang ditag”, penggunaan imbuhan *ter-* tidak kena pada maksud yang ingin disampaikan. Imbuhan yang sepatutnya ialah imbuhan apitan *meng-...-kan* akan memberikan makna melakukan sesuatu untuk orang lain. Jadi dalam ayat ini, imbuhan *meng-...-kan* dalam memberikan makna pengguna lain yang mengirimkan foto untuk kita.

Dalam contoh ayat kedua pula, iaitu “... kemudian dengan facebook saya dapat **terhubung** ke semua jenis orang-orang dari mana saja ...”, imbuhan *ter-* sekali lagi digunakan secara berleluasa kerana tidak membawa maksud penggunaannya yang sebenar, iaitu tindakan yang telah terjadi dan usai, yang tidak disengajakan atau keupayaan untuk dilakukan.

Imbuan yang sepatutnya digunakan ialah imbuan awalan *ber-* yang membawa maksud melakukan perbuatan berhubung dalam ayat “... kemudian dengan facebook saya dapat **berhubung** ke semua jenis orang-orang dari mana saja ...”

Penggunaan kata sendi *dari* secara berleluasa ini pada kata nama dan frasa nama dikesan dalam penulisan bahasa Melayu oleh pelajar Perancis seperti dalam contoh ketiga daripada Jadual 3. Dalam bahasa Melayu, kata sendi nama *dari* digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan arah, tempat atau masa; sementara kata sendi nama *daripada* pula digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan punca bagi manusia atau institusi, haiwan, benda atau unsur abstrak, sumber atau asal kejadian sesuatu benda, sebahagian daripada semua dan perbezaan atau perbandingan (*Kamus Dewan*, 2007).

PENGGUNAAN STRATEGI PENGHURAIAN

Satu lagi strategi komunikasi tulisan yang kerap digunakan dalam penulisan bahasa Melayu oleh pelajar Perancis ialah strategi penghuraian. Dörnyei (1995:58) mendefinisikan strategi penghuraian sebagai memberikan deskripsi atau contoh aksi yang menerangkan objek sasaran. Sebagai contoh untuk menyatakan “cockscREW”, seseorang akan menghuraikannya sebagai “*the thing you open bottles with*”. Brown (2007) juga memberi definisi yang hampir sama, iaitu apabila seseorang tidak menggunakan perkataan atau kosa kata dalam bahasa sasaran, beliau akan memberi deskripsi ciri-ciri atau elemen sesuatu objek.

Dalam kajian ini, strategi penghuraian ini digunakan secara positif. Huraian yang dibuat oleh responden walaupun agak berbelit, namun tidak menjejaskan strategi komunikasi maksud komunikasi mereka. Contoh penggunaan strategi ini adalah seperti dalam Jadual 4.

STRATEGI CIPTAAN PERKATAAN BAHARU

Dalam kajian ini, sebanyak 20 elemen strategi ciptaan perkataan baharu digunakan oleh responden Perancis dalam penulisan bahasa Melayu mereka. Strategi ini digunakan apabila responden Perancis ketika menghadapi kesukaran untuk mengingat perkataan tertentu dalam bahasa Melayu. Oleh yang demikian, mereka “mencipta” perkataan daripada bahasa Perancis dan mengadaptasikan fonetik perkataan tersebut agar menghampiri perkataan bahasa Melayu. Strategi ini walau bagaimanapun

Jadual 4 Contoh penggunaan strategi penghuraian oleh pelajar Perancis.

Contoh ayat yang digunakan oleh pelajar Perancis		Elemen PPST digunakan
1.	Walaupun jaringan ini digunakan dengan massa, tidak hanya ada kelebihan dalam penggunaannya.	Walaupun halaman web ini digunakan secara meluas, namun terdapat juga kekurangan dalam penggunaannya.
2.	Masa kini, tak ada seorang pun yang tidak tahu bahawa informasi yang sudah ditampilkan di Internet susah sekali dihapusstrategi komunikasi atau dihilangkan.	Sehingga kini, tiada seorang pun yang mengetahui bahawa maklumat yang dimasukkan dalam Internet amat sukar dimansuhkan.
3.	Jadi kalau mereka menggunakan bahasa Inggeris, nanti para penonton dan pembaca akan menghadapi keburukan ketidakfahaman.	Jadi kalau para penonton dan pembaca tidak menggunakan bahasa Inggeris, mereka akan menghadapi masalah ketidakfahaman.
4.	Ada yang melewati sampai empat jam setiap hari dalam halaman facebook dengan membaca dinding profilnya, menjawab pesan atau berchat dengan teman-teman.	Ada yang berjaga sehingga jam empat pagi setiap hari melayari laman facebook untuk membaca laman profil mereka, menjawab pesanan mesej, atau bersembang dengan rakan-rakan.
5.	Melalui pertandingan pidato dan hadiahnya, rakyat akan hendak cakap bahasa kebangsaan dengan keras.	Melalui pertandingan pidato dan hadiahnya, rakyat akan lebih berkeinginan untuk bertutur dalam bahasa kebangsaan.

tidak mendatangkan hasil yang positif disebabkan perkataan yang dicipta tidak wujud dalam bahasa Melayu. Jadual 5 menunjukkan contoh ciptaan perkataan baharu oleh pelajar Perancis:

Daripada Jadual 5, perkataan seperti *aktris* dan *facilitas* merupakan perkataan bahasa Perancis, iaitu *actrice* dan *facilité*. Perkataan ini diubah suai secara fonetik supaya lebih menghampiri perkataan dalam bahasa Melayu. Bagi perkataan lain seperti *pulsa*, *makhlama*, *fiksi* dan *sadar* pula, responden berusaha untuk mengingati perkataan dalam bahasa Melayu dan mencipta perkataan yang fonetiknya seakan-akan perkataan dalam bahasa Melayu.

Jadual 5 Contoh Penggunaan strategi ciptaan perkataan baharu oleh pelajar Perancis.

	Contoh ayat yang digunakan oleh pelajar Perancis	Elemen PPST digunakan	Elemen yang betul
1.	Kemudian, ada orang yang membuat profil pulsa kerana kita boleh berbaring dengan mudah di internet atau di facebook penggunaannya.	Pulsa	Palsu
2.	Apalagi facebook sering digunakan oleh majikan untuk mendapatkan makhlama tentang calon.	Makhlama	Maklumat
3.	Contohnya, para penggemar selebriti perlu tahu apa pun yang terkait dengan aktor dan aktris disukai mereka.	Aktris	Pelakon wanita
4.	Untungnya, ada waktu yang tepat untuk untuk yang mau tahu lebih banyak tentang sejarah, budaya atau tradisi turun menurun .	Turun menurun	Turun-temurun
5.	Komunikasi yang anda lakukan dapat secara interaktif, misalnya dengan facilitas chatting.	Facilitas	Kemudahan
6.	Daripada melarang langsung filem yang berisiko, orang tua lebih baik menjelastrategi komunikasi lagi peranan fiksi agar pemuda lebih sadar dan kritis.	Fiksi/sadar	Fiksiyen/sedar

STRATEGI PENUKARAN KOD (PK)

Menurut Hazlina (2012), fenomena penukaran kod berlaku apabila seseorang menggantikan perkataan atau frasa bahasa yang sedang dituturkan atau ditulis dengan perkataan atau frasa daripada bahasa lain. Auer (1998:1) mendefinisikan fenomena ini sebagai “*alternating use of two or more ‘codes’ within one conversational episode*”.

Poplack (1988) pula menjelaskan bahawa penukaran kod biasanya berlaku pada satu titik dalam satu ayat yang berada dalam lingkungan struktur permukaan dua bahasa yang dipadankan bersama-sama. Penggunaan penukaran kod adalah kerana penutur atau penulis yakin bahawa pendengar atau pembaca akan faham, dan fasih dalam kedua-dua bahasa.

Sebanyak 19 elemen (11.1 peratus) strategi penukaran kod ditemui dalam penulisan bahasa Melayu responden dalam kajian ini. Menurut Gumperz (1982), penggunaan PK adalah untuk penunjang (*crutching*), peminjaman, memberikan penjelasan atau penekanan, penghubung (*conjoining*) dan ketidakbolehterjemahan. Strategi ini digunakan apabila responden Perancis menghadapi kesukaran untuk mengingat perkataan tertentu dalam bahasa Melayu, oleh yang demikian mereka beralih kepada bahasa Inggeris untuk meneruskan strategi komunikasi mesej mereka. Didapati responden menggunakan strategi penukaran kod bersifat penunjang pada perkataan *negative*, *identity*, dan *group*, sementara perkataan lain bersifat peminjaman. Jadual 6 menunjukkan senarai perkataan yang menggunakan strategi penukaran kod oleh responden.

Jadual 6 Penggunaan strategi PK oleh pelajar Perancis.

Bil.	Perkataan yang Digunakan	Perkataan yang Betul
1.	<i>group</i>	kumpulan
2.	<i>tag</i>	tanda
3.	<i>photo</i>	foto/gambar
4.	<i>chatting</i>	bersembang
5.	<i>update</i>	kemas kini
6.	<i>profile</i>	profil
7.	<i>cybercrime</i>	jenayah siber
8.	<i>add friend</i>	menambah kawan
9.	<i>update status</i>	mengemas kini status
10.	<i>identity</i>	identiti
11.	<i>game online</i>	permainan dalam talian
12.	<i>reality show</i>	program realiti
13.	<i>negative</i>	negatif

Jadual 7 Contoh penggunaan strategi oleh pelajar Perancis.

Ayat yang Digunakan		Jenis Terjemahan Literal
1.	Perusahaan Marc Zuckerberg merupakan satu elit perusahaan Internet di bursa saham Amerika Syarikat.	Terjemahan literal daripada struktur bahasa Perancis “ <i>un élite des entreprises Internet</i> ”
2.	Selain itu, Facebook dan Twitter adalah terbaik media untuk memprotes, untuk mendukung sebuah organisasi atau gerakan.	Terjemahan literal daripada struktur frasa bahasa Perancis “ <i>le meilleur media</i> ”
3.	Kemunculan halaman sosial ini menyebabkan interaksi interpersonal secara tatap muka cenderung menurun	Terjemahan literal daripada kosa kata bahasa Perancis “ <i>face à face</i> ”

PENGUNAAN STRATEGI TERJEMAHAN LITERAL (TL)

Strategi terjemahan literal dalam kajian ini melibatkan terjemahan daripada struktur frasa bahasa Perancis dan terjemahan daripada kosa kata bahasa Perancis. Dengan merujuk Jadual 7, didapati contoh pertama dan kedua, responden Perancis menterjemahkan struktur frasa bahasa Perancis ke dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, terjemahan ayat pertama lebih sukar difahami kerana melibatkan lebih daripada dua perkataan yang bercelaru dari segi struktur, berbanding dengan terjemahan ayat kedua yang hanya melibatkan dua perkataan yang mempunyai struktur bahasa Perancis. Terjemahan daripada kosa kata bahasa perancis dalam contoh ayat ketiga sebaliknya boleh difahami oleh penutur jati (responden ingin menyatakan “bersemuka” tetapi tidak biasa dengan perkataan tersebut).

KESIMPULAN

Daripada dapatan kajian, dapat dibuat kesimpulan secara umumnya, kesemua responden Perancis menggunakan strategi komunikasi dalam aktiviti penulisan mereka. Strategi komunikasi yang paling kerap

digunakan oleh pelajar ialah strategi pencapaian, iaitu penghampiran, penggunaan perkataan untuk semua tujuan dan penghuraian. Strategi lain yang tidak kurang pentingnya yang digunakan dalam kajian ini ialah strategi ciptaan perkataan baharu, penukaran kod dan terjemahan literal.

Seperti dapatan kajian Ashinida (2012), kajian ini juga jelas menunjukkan penggunaan strategi komunikasi merupakan teknik yang sistematik untuk pelajar Perancis menyampaikan mesej mereka dalam bahasa Melayu. Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa strategi komunikasi dapat membantu pelajar Perancis mencapai objektif komunikatif mereka dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, masalah penguasaan bahasa Melayu yang paling ketara dalam kalangan pelajar Perancis ialah kosa kata yang terhad dan penguasaan kosa kata yang umum. Hujah ini dikuatkan lagi dengan dapatan Luchini (2004) yang menyatakan bahawa penutur atau pelajar sepatutnya peka dengan fitur struktural atau gramatikal bahasa sasaran, seterusnya dapat mengaitkan fitur tersebut dengan fungsi penggunaannya serta berkeupayaan menggunakannya dalam kedua-dua bentuk dan fungsi struktur bahasa dan tatabahasa yang dipelajari untuk mewujudkan komunikasi yang bermakna dan berkesan.

Oleh yang demikian, saranan yang disenaraikan di bawah diharapkan dapat membantu mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Perancis atau pelajar asing lain:

1. Peluasan pembelajaran kosa kata daripada kosa kata umum kepada kosa kata yang lebih spesifik mengikut konteks ayat.
2. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, pengajar harus memberikan orientasi kepada pelajar agar menggunakan strategi komunikasi yang lebih berbentuk pencapaian dengan berkesan dan sistematik.
3. Pengajar juga disarankan mengajar pelajar untuk menjadi lebih kritis dalam aktiviti penulisan mereka dengan memberikan demonstrasi cara ayat yang dibina melalui perantaraan bahasa Perancis atau bahasa Inggeris boleh diperbetul agar menjadi ayat bahasa Melayu yang betul dari segi kosa kata dan struktur bahasanya. Perlu diingat, dalam dunia yang penuh dengan kemudahan terjemahan internet dan terjemahan menggunakan perisian telefon bimbit, untuk pengajar melarang pelajar daripada menggunakan “pertolongan” bahasa ibunda atau bahasa kedua bukanlah satu langkah yang relevan dan sesuai dengan konteks masa sekarang.

Data kajian ini hanya terbatas kepada 10 orang pelajar Perancis disebabkan hanya 10 orang sahaja yang mengambil subjek tersebut pada peringkat lanjutan pada masa kajian dilakukan. Diharapkan kajian selanjutnya akan mengkaji strategi komunikasi dalam bahasa Melayu oleh pelajar Perancis dengan jumlah sampel yang lebih besar supaya data empirikal yang lebih komprehensif dapat diperoleh.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdullah, 2009. “*Kompetensi komunikatif dan strategi komunikasi Bahasa Arab di kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Negeri Selangor*”. Tesis Ph.D, Universiti Malaya.
- Ang, L.H., 1992. “*Strategi Komunikasi Orang-Orang Cina dalam Bahasa Malaysia*”. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Ashinida Aladdin, “Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab” dlm. *GEMA Online Journal of Language Studies* 12:2, hlm. 654-66, 2012.
- Auer, J.C.P., “Bilingualism as a Members’ Concept: Language Choice and Language Alternation in Their Relation to Lay Assessments of Compretence” dlm. *Papier de SFB 99, Constance*, No. 54, 1981.
- Bialystok, E. (ed.), 1990. *Communication Strategies: A Psychological Analysis of Second-Language Use*. Basil Blackwell.
- Brown, H.D., 2007. *Principles of Language Learning and Teaching*. New York: Pearson Education.
- Kamus Dewan*, 2007. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dörnyei, Z., “On the Teachability of Communication Strategies” dlm. *TESOL Quarterly* 29:1, hlm. 55–85 1995.
- Dörnyei, Z. dan Scott, M. L., “Communication Strategies in a Second Language: Definitions and Taxonomies” dlm. *Language Learning* 47:1, hlm. 173-209, 1997.
- Faerch, C. dan Kasper, G., 1983. “On Identifying Communication Strategies in Interlanguage Production” dlm. C. Faerch & G. Kasper (ed.), *Strategies in Interlanguage Communication*. London: Longman.
- Farah Tajudin, Roslina Mamat, Hazlina Abdul Halim, Ang, L. H., Roswati Abdul Rashid dan Ilyana Jalaluddin, “Communication Strategies in Written Text among Basic Learners of Japanese Language: A Case Study of Universiti Putra Malaysia’s Students” dlm. *Global Media Journal – Malaysian Edition* 3:3, hlm. 89-116, 2013.
- Gumperz, J. J., 1982. *Discourse Strategies*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hazlina Abdul Halim, “Pengaruh Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam

- Strategi Penukaran Kod Bahasa Perancis” dlm. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 12:2, hlm. 693-709, 2012.
- Hazlina Abdul Halim, Normaliza Abd Rahim, Mohd Azidan Abdul Jabar dan Adi Yasran Abdul Aziz, “The Influence of Languages (L1 & L2) and Culture on the Written Communication of Malaysian Students’ French Language Learning” dlm. Hazlina Abdul Halim *et al.* (ed.), *Lingua* 3, hlm. 82-100, 2011.
- Hazlina Abdul Halim, 2011. “Pengaruh Bahasa Melayu dalam Strategi Komunikasi Penulisan Bahasa Perancis”. Tesis Ph.D. Universiti Putra Malaysia.
- Luchini, P. L., “Developing Oral Skills by Combining Fluency with Accuracy Focused Tasks. A Case Study in China” dlm. *Asian EFL Journal* 6:4, hlm. 1-12, 2004.
- Nor Fariza Mohd. Nor, 2008. “*Communication Strategies of ESL Speakers in Interaction*”. Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Poplack, S., 1988. “Contrasting Patterns of Code-Switching in Two Communities” dlm Heller, M. (ed.), *Codeswitching*. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Rababah, G.A., 2003. *Strategic Competence in Language Teaching and ELT Syllabus*. Grazer Linguistische Studien.
- Roslina Mamat, Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim dan Farah Tajuddin, “Short Utterances in Japanese Language Conversation among Japanese and Malaysian Tourist Guides” dlm. *Malaysian Journal of Communication* 28:1, hlm. 97–106, 2012.
- Tarone, E., 1977. “Conscious Communication Strategies in Interlanguage: A Progress Report” dlm. H. D. Brown., C. A. Yorio., & R. C. Crymes (ed.), *On TESOL '77*. Washington, DC: TESOL.
- Tarone, E., “Communication Strategies, Foreigner Talk and Repair in Interlanguage” dlm. *Language Learning* 30, hlm. 417–31, 1980.
- Tarone, E., 1983. “Some Thought on the Notion of Communication Strategy” dlm. C. Faerch & G. Kasper (ed.), *Strategies in Interlanguage Communication*. London: Longman.